



Rujukan Kami : UPM.BUR.100-1/6/3/B(13 )

Tarikh : 30 Jun 2023

## PEKELILING BURSAR BIL. 6 TAHUN 2022

### POLISI TUNTUTAN BAYARAN BALIK (PELBAGAI)

#### TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai polisi Tuntutan Bayaran Balik (Pelbagai) sebagai penambahbaikan kepada peraturan sedia ada.

#### LATAR BELAKANG

2. Peraturan Kewangan dan Perakaunan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 14 September 2002, Seksyen XII Polisi Pengurusan Kewangan Penyelidikan (No. Polisi 2) klausa 7(b) telah menyatakan: -

*Tuntutan bayaran balik (reimbursement) tidak boleh melebihi RM1,000 setiap tuntutan. Tuntutan juga hendaklah dikemukakan dalam tempoh dua (2) bulan setelah pembelian dilakukan. Tuntutan bayaran balik dihadkan kepada pembelian bekalan (consumables) dan perkhidmatan sahaja. Semua tuntutan (pembelian consumables, tambang teksi dari lapangan terbang, tuntutan kenderaan awam yang lain, penginapan dan lain-lain) perlu disertakan dengan resit rasmi.*

## KELULUSAN LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

3. Selaras dengan itu, Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang bermesyuarat pada 9 Ogos 2022 melalui petikan minit 165/05 telah meluluskan cadangan Polisi Tuntutan Bayaran Balik (Pelbagai) sebagai penambahbaikan kepada peraturan sedia ada di Universiti Putra Malaysia.

4. LPU melalui petikan minit LPU 170/02 yang bermesyuarat pada 18 April 2023 telah bersetuju dengan PINDAAN bagi perkara berikut:-

- Jumlah amaun tuntutan geran penyelidikan.
- PTJ yang mempunyai isu audit perlu menyelesaikan isu audit tertunggak dengan SEGERA di bawah pemantauan Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU).

## KAEDAH PELAKSANAAN DAN PERATURAN SELEPAS PINDAAN

5. Semua tuntutan bayaran balik (pelbagai) hendaklah dibuat melalui Sistem Tuntutan e-Claim.

6. Siling tuntutan bayaran balik (pelbagai) dibenarkan sehingga **RM10,000.00** bagi semua jenis peruntukan untuk satu permohonan tuntutan. Namun pengecualian diberikan terhadap tuntutan bayaran balik yang menggunakan peruntukan geran penyelidikan. Jumlah tuntutan tersebut dibenarkan sehingga **RM20,000.00** untuk setiap transaksi.

7. Semua tuntutan bagi bekalan dan perkhidmatan perlu disertakan dengan resit rasmi sama ada pembelian secara terus ATAU pembelian melalui atas talian, contohnya, pembelian yang dibuat melalui Lazada/Shopee/eBay/Amazon/Lelong.com/Mudah.com ATAU melalui aplikasi atas talian lain yang '*genuine & reliable*' juga dibenarkan dengan mengambil kira faktor penjimatan. (Pemohon perlu memastikan pembelian yang dibuat tidak merugikan Universiti).

8. Tuntutan bayaran balik bagi pembelian aset (harta modal dan inventori) **hanya dibenarkan bagi geran penyelidikan sahaja**, namun penyelidik perlu memastikan syarat dan terma geran penyelidikan dipatuhi dengan merujuk bersama garis panduan pembelian aset penyelidikan Universiti yang dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti. Pematuhan syarat ini termasuklah memastikan dokumen tatacara pengurusan aset sepertimana Pekeliling Bursar yang berkaitan dipatuhi dan telah dilengkapkan sebelum tuntutan dikemukakan.
9. Tuntutan bayaran balik melibatkan pembelian aset ICT atau perolehan aplikasi atas talian menggunakan geran penyelidikan juga dibenarkan, namun **penyelidik perlu memenuhi spesifikasi minima yang ditetapkan oleh Jawatankuasa ICT Universiti (JKICT) dan telah memperoleh kelulusan JKICT/ Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) terlebih dahulu** sebelum melaksanakan perolehan tersebut.
10. Syarat atau panduan tuntutan bayaran balik adalah seperti berikut :-
  - 10.1 Tuntutan bayaran balik **dibenarkan** bagi tujuan berikut sahaja.
    - (i) Pembelian SEGERA atau;
    - (ii) Pembelian yang boleh menjimatkan perbelanjaan atau;
    - (iii) Pembelian yang perlu dibuat sewaktu kerja lapangan atau;
    - (iv) Pendahuluan pelbagai tidak diluluskan atau;
    - (v) Pembelian bekalan atau perkhidmatan yang tidak boleh dan tidak praktikal diuruskan dengan menggunakan pesanan tempatan.
  - 10.2 Tuntutan bayaran balik **tidak dibenarkan** bagi bayaran upahan ke atas individu (kecuali enumerator di luar kawasan atau kerja lapangan).
  - 10.3 Penyelidik perlu memastikan syarat dan terma bagi geran penyelidikan dipatuhi, dan pembelian bekalan/perkhidmatan adalah termasuk dalam cadangan penyelidikan yang telah diluluskan oleh penaja. Walau bagaimanapun, sekiranya pembelian bekalan/perkhidmatan **tidak termasuk**

dalam cadangan penyelidikan awal, kelulusan hendaklah diperolehi dari pihak penaja terlebih dahulu sebelum pembelian dibuat.

10.4 Penyelidik juga perlu memastikan tuntutan bayaran balik yang dikemukakan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi mengikut Siri J yang diluluskan (bagi penyelidikan yang mempunyai Siri J).

10.5 Tuntutan hendaklah dikemukakan dalam tempoh **tiga (3) bulan setelah pembelian dilakukan** dan tertakluk kepada jenis peruntukan seperti berikut:-

- (i) Bagi tuntutan bayaran balik melibatkan peruntukan mengurus, tuntutan hendaklah dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan **dan** pada tahun semasa, **kecuali** bagi pembelian yang dibuat selepas tempoh penutupan akaun tahunan.
- (ii) Tuntutan bagi pembelian menggunakan peruntukan penyelidikan atau akaun amanah, hendaklah dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan setelah pembelian dilakukan dan masih dalam tempoh projek penyelidikan (atau tempoh projek akaun amanah) sebagaimana yang diluluskan oleh penaja/pemberi dana. Tuntutan bayaran balik yang dikemukakan selepas tempoh projek tamat **tidak akan diproses** KECUALI telah mendapat kelulusan dari penaja atau pemegang amanah dan tertakluk kepada baki peruntukan.

## **PERATURAN-PERATURAN AM**

11. Ketua PTJ perlu **memastikan peraturan di para 5 hingga para 10 dipatuhi** sebelum meluluskan permohonan tuntutan dari pemohon di PTJ.

12. Ketua PTJ juga hendaklah memastikan tuntutan yang dikemukakan tidak melebihi tempoh tiga (3) bulan setelah pembelian sepertimana dinyatakan di klausa 10.5 di atas. Pembayaran tuntutan tidak akan dibuat sekiranya klausa tersebut tidak dipatuhi dan penguatkuasaan ini turut terpakai dalam keadaan di mana tiada kelulusan khas diperolehi terlebih dahulu daripada pihak yang berkuasa terlibat seperti berikut:-

- 12.1. Peruntukan Mengurus - Ketua PTJ.
- 12.2. Peruntukan Penyelidikan - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan/Inovasi) atau Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan.
- 12.3. Peruntukan Akaun Amanah - Pemegang Amanah.

13. **Ketua PTJ hendaklah** memastikan peruntukan PTJ adalah mencukupi ketika tuntutan bayaran balik (pelbagai) diluluskan sebelum dikemukakan ke Pejabat Bursar untuk proses pembayaran balik kepada pemohon.

14. **Pemohon dan Ketua PTJ hendaklah** memastikan setiap permohonan tuntutan bayaran balik (pelbagai) adalah benar dan telus serta tiada pencanggahan kepentingan (*conflict of interest*). Perbelanjaan dibuat untuk keperluan PTJ/Universiti dan penyelidikan sahaja, selaras dengan **Garis Panduan Integriti Akademik IPT Malaysia** yang boleh dicapai melalui laman web **Pejabat Pendaftar** di link **[http://www.pendaftar.upm.edu.my/upload/dokumen/PJNCA1 Garis Panduan Integriti Akademik \(IPT\) Malaysia.pdf](http://www.pendaftar.upm.edu.my/upload/dokumen/PJNCA1_Garis_Panduan_Integriti_Akademik_(IPT)_Malaysia.pdf)**

15. Pembayaran hanya boleh dilakukan berdasarkan kepada dokumen sokongan yang lengkap diterima. Sekiranya dokumen tidak lengkap atau tidak betul, PTJ hendaklah memaklumkan kepada pihak yang membuat tuntutan dengan segera.

16. Tuntutan bayaran balik hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada 10 hari bulan pada bulan berikutnya ke Pejabat Bursar bagi tujuan pembayaran kepada pemohon tertakluk kepada dokumen lengkap diterima.

17. **Pejabat Bursar hendaklah** memastikan peraturan di para 5 hingga para 10 dipatuhi sebelum tuntutan bayaran balik (pelbagai) disahkan dan diluluskan untuk pembayaran.

## **PEMAKAIAN DAN KUAT KUASA PEKELILING**

18. Pindaan Pekeliling ini adalah **berkuat kuasa mulai 1 Julai 2023**. Sebarang pertanyaan berkenaan Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada Pejabat Bursar di talian **03-97696610**.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“BERILMU BERBAKTI”**

Saya yang menjalankan amanah,



**Hajjah Izariahwati binti Mohd Isa  
Bursar**

***Edaran:***

Semua Ketua  
Pusat Tanggungjawab  
Universiti Putra Malaysia  
SERDANG/BINTULU/PORT DICKSON